

Research Article

Tahap Penggunaan Surau dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Matapelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Daerah Petaling Utama

Norliza Kila ^{1*}, dan Syuhaida Idha Abd Rahim ²

1 Affiliation ²; idha63@salam.uitm.edu.my

* Correspondence: lizakila14@gmail.com

Received: 1st January 2019; Accepted: 10th January 2019; Published: 28th February 2019

Abstrak: Aspek kemenjadian murid dapat dilihat dalam pelbagai sudut terutamanya akhlak dan sahsiah selaras dengan keperluan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025. Bermula tahun 2013, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) Kementerian Pendidikan (KPM) telah menganjurkan Anugerah Surau Imarah Sekolah-Sekolah KPM (ASISS). Selain pertandingan, ASISS adalah platform untuk mendekati murid-murid dan warga sekolah terhadap penggunaan surau secara holistik dan maksimum. Justeru kajian ini bertujuan menganalisis tahap prasarana dan tahap penggunaan surau oleh guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah Daerah Petaling Utama, negeri Selangor. Kajian rintis ini berbentuk kuantitatif menggunakan soal selidik oleh 30 orang responden yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam (GPI). Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 25. Hasil dapatan menunjukkan tahap penggunaan surau dalam PdPc mata pelajaran Pendidikan Islam adalah tinggi dengan nilai min (=3.41) selari dengan tahap prasarana iaitu nilai min (=4.09). Kajian ini membuktikan keperluan prasarana surau yang baik dapat menggalakkan penggunaan surau secara maksimum oleh guru dalam melaksanakan PdP mata pelajaran Pendidikan Islam selain bagi tujuan ibadah khususnya.

Kata Kunci: Prasarana; Penggunaan; Surau sekolah

About the Authors

Nor liza binti Kila adalah seorang guru di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Telah berkhidmat lebih 15 tahun dalam bidang Pendidikan Islam dan mempunyai pengalaman berkaitan bidang penyelidikan. Beliau telah mendapat tajaan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) dari KPM bagi sesi 2017-2019 iaitu selama 24 bulan. Beliau sedang melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Penulis juga mempunyai pengalaman sebagai Jurulatih Kokurikulum Pendidikan Islam dalam bidang dakwah. Di antara aktiviti dakwah yang dilakukan adalah

Public Interest Statement

Surau sekolah selain daripada tempat ibadat, ia juga dapat dijadikan tempat melaksanakan aktiviti dakwah, hari kebesaran Islam dan pengukuhan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam (Ab. Halim et al.2003). Ini adalah kerana surau sekolah mempunyai kemudahan asas dan peralatan BBM. Surau sekolah merupakan syiar Islam di sekolah. Pembinaannya bukan sekadar tempat melaksanakan ibadat solat semata-mata sama ada secara individu atau berjemaah tetapi berfungsi sebagai pusat kegiatan Pendidikan Islam di sekolah (Bani Hidayat Mohd Shafie Norhayati Fatmi, Talib, Awang, Zakaria, & Ab. Halim Tamuri, 2010). Prasarana yang lengkap

berkaitan dengan surau sekolah. Bahagian Pendidikan Islam KPM telah menganjurkan pertandingan bagi Anugerah Surau Imarah Sekolah-Sekolah (ASISS) yang melibatkan semua surau sekolah rendah dan menengah. Penulis telah mengambil peluang untuk membuat kajian berkaitan surau sekolah dalam pembelajaran dan pemudahcaraan pendidikan Islam di Sekolah Rendah. Ini kerana masih kurang kajian yang dilakukan berkaitan prasarana dan penggunaan surau sekolah rendah.

dan sempurna serta mempunyai ciri-ciri ergonomik yang sesuai dapat menarik minat murid untuk menggunakan kemudahan yang ada. Murid sekolah rendah boleh dilatih menggunakan dan menjaga kemudahan dengan baik. Justeru itu penulis telah mengambil peluang untuk membuat kajian tentang prasarana dan ciri ergonomik serta penggunaan surau dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah. Semoga dengan kajian ini dapat memberi motivasi kepada warga sekolah supaya menggunakan surau sekolah atau pun surau awam dengan baik. Penggunaan secara maksimum untuk pembelajaran dan pemudahcaraan bagi mata pelajaran pendidikan Islam.

1. Pendahuluan

Masjid merupakan tempat yang penting bagi umat Islam dan nadi kepada perkembangan tamadun Islam. Sejarah mencatatkan antara strategi pertama yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W untuk membentuk akhlak masyarakat dan negara Islam di Madinah adalah mendirikan masjid. Masjid tidak hanya berperanan sebagai tempat ibadah. Sebaliknya, ia menjadi sumber kekuatan dan perpaduan umat Islam (Mokhtar & Che Zarrina Sa'ari, 2015). Di Malaysia, selain masjid terdapat surau yang mempunyai fungsi yang hampir sama dengan masjid. Masjid dan surau mempunyai peranan yang besar dalam membimbing dan membentuk masyarakat dengan penganjuran pelbagai program keilmuan (Mokhtar et al, 2015).

Dalam konteks pendidikan Islam, surau sekolah bertindak sebagai satu tempat amali (praktikal) dalam proses pembelajaran dan pemudah caraan (PdPc) Pendidikan Islam di sekolah. Kewajipan untuk melaksanakan ibadah dan melaksanakan pembelajaran pendidikan Islam terutamanya amali solat serta kegiatan keagamaan telah memberi kesedaran kepada pihak kerajaan untuk menyediakan tempat seperti surau dan musolla bagi murid-murid menunaikan solat pada waktu persekolahan (Nor Hayati Fatmi Talib & Bani Hidayat Mohd Shafie, 2015).

Kementerian Pelajaran Malaysia juga menyarankan agar semua aktiviti yang berbentuk kurikulum dan ko-kurikulum pendidikan Islam yang sesuai dapat dilaksanakan dalam surau sekolah bagi mempraktikkan pelbagai teori yang telah diajar dalam bilik darjah. Surau sekolah sebenarnya mudah diakses dan digunakan sepanjang masa oleh para murid dan guru bagi melaksanakan pelbagai aktiviti Pendidikan Islam kerana lokasinya yang terletak dalam kawasan sekolah (Bahagian Pendidikan Islam, 1989). Selain itu, tujuan utama pembinaan surau sekolah juga adalah untuk mengukuhkan pembelajaran dan pemudah cara mata pelajaran pendidikan Islam serta meningkatkan penghayatan Islam di kalangan murid sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998).

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah menggariskan beberapa objektif untuk merealisasikan sistem pendidikan bertaraf dunia iaitu memahami prestasi dan cabaran semasa, mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas serta menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif merangkumi perubahan penting dalam kementerian. Menerusi PPPM ini, sistem pendidikan akan terus kekal komited untuk membangunkan potensi murid secara menyeluruh dalam kurikulum yang bermatlamat seperti kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu mata pelajaran pendidikan Islam dan pendidikan Moral diwajibkan bermula tahun 1 hingga tingkatan 5 (Kementerian

Pendidikan Malaysia, 2013). Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran wajib yang diajar di peringkat sekolah rendah yang bertujuan melahirkan insan yang soleh, beriman, beramal dan berakhlak. Sehubungan itu, Pendidikan Islam perlu diajar sebagai mata pelajaran *al-Din*, bermakna bukan sekadar menyampaikan pengetahuan dan kemahiran semata-mata tetapi untuk diamalkan dan dihayati sepenuhnya oleh setiap orang Islam yang beriman kepada Allah S.W.T (Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi, 2012)

Kementerian Pendidikan telah menggariskan bahawa, surau-sarau sekolah boleh dijadikan sebagai “Pusat Pendidikan Rohani” (Bahagian Pendidikan Islam, 1989) di samping sebagai tempat ibadat solat. Pusat Pendidikan Rohani ini boleh diterjemahkan sebagai induk kepada perkembangan pusat ibadah, pusat pendidikan dan pusat kerohanian antara warga sekolah bertepatan dengan model masjid nabawi dan masjid pada zaman khilafah *Islamiyyah* yang menjadikan masjid sebagai pusat pendidikan rohani. Begitu juga dalam perkembangan sistem pendidikan Islam di Asia Tenggara yang menjadikan masjid dan surau sebagai pusat pendidikan yang utama bagi masyarakat setempat (Abdullah, 1989).

Kementerian Pendidikan (KPM) juga telah menganjurkan Anugerah Surau Imarsh Sekolah-Sekolah KPM (ASISS). Selain pertandingan, ASISS adalah *platform* untuk mendekati murid-murid dan warga sekolah terhadap penggunaan surau secara holistik dan maksimum. Justeru kajian rintis ini bertujuan menganalisis tahap prasarana dan tahap penggunaan surau oleh guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah Daerah Petaling Utama, negeri Selangor.

2. Sorotan Literatur

Beberapa kajian lepas telah dibuat sorotan oleh pengkaji adalah berkaitan fungsi surau sekolah yang berkesan di dalam pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran pendidikan Islam. Kajian (Abd. Halim Tamuri et al. 2003), mendapati kajian mereka tentang fungsi dan aktiviti surau sekolah dalam PdP pendidikan Islam serta aspek pembangunan insan. Kajian yang berbentuk ‘*exploratory research*’ mencari maklumat berdasarkan maklum balas daripada pelajar di sekolah menengah di negeri Selangor. Kajian ini meninjau kemudahan prasarana surau serta tahap keperluan fizikal, mengenal pasti aktiviti yang dilaksanakan serta mengkaji penglibatan warga sekolah dalam aktiviti di surau sekolah. Murid tingkatan empat menjadi responden dalam kajian ini. Menurut kajian ini juga telah melihat signifikan berkenaan peningkatan sahsiah pelajar dan kefahaman terhadap agama Islam. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar tentang fungsi surau sekolah dalam PdP pendidikan Islam adalah tinggi, akan tetapi masih terdapat surau-sarau sekolah yang tidak mempunyai kemudahan fizikal yang lengkap dan tidak melakukan aktiviti Pdp sepenuhnya tetapi hanya digunakan untuk ibadat solat sahaja.

Manakala kajian Rosli Ibrahim (2011) pula mendapati persepsi murid yang bersetuju bahawa surau digunakan sepenuhnya untuk PdP pendidikan Islam. Hasil dapatan menyatakan bahawa 86.4% pelajar bersetuju bahawa surau berperanan meningkatkan amal ibadat mereka seperti solat fardu. Kajian ini selari dengan dapatan dari kajian Ab. Halim et al.2003 yang mendapati 95% murid bersetuju di mana surau memberi sumbangan yang positif dalam meningkatkan amal ibadat mereka. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan aktiviti di surau sekolah samaada melakukan ibadah ataupun pendidikan telah berjaya meningkatkan amal ibadah pelajar.

Kajian Jasmi Amin (2011) adalah berkaitan minat pelajar terhadap pendidikan Islam dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah kebangsaan berada di tahap sederhana tinggi. Analisis yang diperolehi menunjukkan bahawa minat pelajar terhadap pelaksanaan PdP pendidikan Islam di surau sekolah berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar sangat meminati pembelajaran di surau sekolah sehingga boleh meningkatkan minat pelajar kepada mata pelajaran pendidikan Islam.

Kajian Bani Hidayat (2014) pula adalah berkaitan fungsi surau dalam PdP pendidikan Islam serta prasarana surau dalam membantu meningkatkan penghayatan Islam terhadap pelajar. Dapatan kajian mendapati pelaksanaan Pdp pendidikan Islam di surau sekolah berada di tahap sederhana rendah, masih

terdapat guru-guru yang kurang menggunakan bahan bantu mengajar di surau, dari persepsi murid. Begitu juga penggunaan oleh warga sekolah yang lain berada di tahap sederhana rendah. Dari segi fizikal surau masih terdapat kekurangan seperti tempat solat yang sempit, tiada rak kasut, tempat wuduk yang tidak berfungsi, sejadah yang tidak mencukupi dan kekurangan buku-buku agama untuk rujukan.

3. Pernyataan Masalah

Kepentingan prasarana dan penggunaan surau dalam pembelajaran dan pengajaran di sekolah amat sesuai dalam perkembangan pendidikan Islam di Malaysia. Kemudahan asas surau sekolah yang disediakan oleh pihak kerajaan membolehkan pelajar menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang Islam di samping melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan agama selaras dengan kurikulum bagi mata pelajaran pendidikan Islam (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2012). Selain itu, sokongan daripada kajian Bani Hidayat et al. (2016) menyatakan bahawa tujuan utama pembinaan surau sekolah juga adalah untuk mengukuhkan pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam serta meningkatkan ilmu dalam menghayati cara hidup Islam yang sebenar dalam kalangan murid. Demikian juga peranan dan fungsi surau sekolah dalam melaksanakan pembelajaran dan pengajaran terutamanya dalam pendidikan Islam di sekolah (Mohd Shafie & Nor Hayati, 2016). Oleh itu penggunaan surau di sekolah dapat meningkatkan sahsiah murid sejajar dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kajian-kajian lepas telah menyatakan bahawa kemudahan prasarana untuk pembelajaran adalah satu keperluan yang penting bagi sesebuah sekolah dalam mewujudkan iklim persekolahan yang berkesan dan selesa termasuk surau (Bani Hidayat Mohd Shafie Norhayati Fatmi, Talib, Awang, Zakaria, & Ab. Halim Tamuri, 2010). Hal ini di sokong oleh kajian Ab Halim et al. (2012) yang menyatakan masih terdapat surau yang tidak mempunyai ruang yang cukup untuk PdPc, keadaan fizikal yang serba kekurangan, kemudahan asas yang tidak mencukupi keperluan untuk memastikan penggunaan secara holistik dan efektif.

Manakala kajian Jasmi Amin (2011) menyatakan bahawa tahap penggunaan surau dalam kalangan guru dan murid masih berada di tahap yang rendah dari segi ibadah dan tahap sederhana rendah dari sudut pembelajaran dan pengajaran (PdP). Penggunaan dalam ibadah seperti solat asar di surau sekolah hanya mencapai nilai min 1.61 manakala untuk solat zuhur berjemaah pada nilai min 2.76 iaitu sederhana rendah. Begitu juga penggunaan dalam pembelajaran dan pengajaran hanya pada tahap sederhana rendah dengan nilai min 2.16 sahaja. Dapatan ini menunjukkan masih terdapat banyak sekolah yang tidak menggunakan surau secara maksimum untuk kegunaan samaada tujuan ibadah dan pembelajaran. Pihak sekolah sepatutnya meningkatkan penggunaan surau bagi membentuk sahsiah murid.

4. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap prasarana surau dari aspek fizikal dan ergonomik serta tahap penggunaan surau di sekolah rendah Daerah Petaling Utama dalam pembelajaran dan pemudah caraan mata pelajaran Pendidikan Islam.


5. Kerangka Teori

Kerangka teori ini dibina berdasarkan faktor persekitaran sosial dalam penggunaan surau boleh mempengaruhi sumber pembelajaran. Proses pembentukan tingkah laku seseorang melalui pelbagai corak pembelajaran sosial seperti teladan, maklum balas, dorongan dan halangan (Azhar Ahmad, 2006). Faktor persekitaran sosial yang dimaksudkan seperti pengaruh ibu bapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat dan juga elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media, tempat dan persekitaran yang kondusif yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka (Zakaria Stapa, Ahmad Munawir Ismail, & Noranizah Yusuf, 2012). Proses

pembelajaran melalui medium surau sekolah juga menjadi salah satu faktor persekitaran dalam membentuk tingkah laku murid terutamanya bagi sekolah rendah.

Manakala Ibn Khaldun (2002) pula menyatakan, persekitaran yang baik perlu untuk menghasilkan akhlak yang baik dan akhlak yang baik itu perlu lahir dari diri sendiri berdasarkan pengamatannya kepada faktor-faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi tabiat hidup manusia. Hassan (1987) berpendapat, persekitaran mampu memberi kesan terhadap penghayatan nilai akhlak seseorang. Menurut beliau, penghayatan nilai akhlak merupakan peringkat akhir dari proses pengukuran sosial yang dibentuk melalui pembelajaran sosial yang menggabungkan asas-asas pembelajaran sosial seperti rangsangan, tindak balas, penegasan, kepatuhan, identifikasi, teladan dan tiruan. Proses ini selanjutnya memerlukan kewujudan faktor-faktor motivasi luaran seperti galakan dan ancaman dan dalaman seperti kepuasan diri dan keinginan untuk dilihat benar.

Rajah 1. Kerangka kajian



6. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan (survey) melalui borang kaji selidik. Data diperolehi daripada 30 orang responden yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam di Daerah Petaling Utama, negeri Selangor. Data di proses menggunakan perisian SPSS. Dapatan nilai kebolehpercayaan bagi kajian ini adalah tinggi. Nilai kebolehpercayaan bagi item prasarana fizikal adalah sebanyak = 0.957 manakala bagi tahap prasarana ergonomik pula sebanyak = 0.96. Bagi tahap penggunaan dalam pembelajaran dan pemudah caraan sebanyak =0.940 manakala penggunaan dalam ibadah pula sebanyak =0.919. Nilai keseluruhan Cronbach alpha adalah 0.966. Oleh kerana, nilai alpha melebihi 0.60 maka ia sangat baik dan dianggap mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi serta boleh diterima (Ghazali Darusalam, 2018)

7. Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden mengikut jantina. Seramai 20% responden adalah guru lelaki dan 80% adalah guru perempuan.

Jadual 1: Latar belakang guru mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	6	20

perempuan	24	80
jumlah	30	100

Jadual 2 pula menunjukkan latar belakang responden mengikut peringkat umur. Hasil dapatan menunjukkan peringkat umur responden paling ramai adalah lebih dari 40 tahun iaitu 33.3% manakala jumlah terendah adalah peringkat umur di bawah 25 tahun iaitu 3.3%.

Jadual 2: Latar belakang guru mengikut umur

UMUR	KEKERAPAN	PERATUS
BAWAH 25 TAHUN	1	3.3
26 HINGGA 30 TAHUN	2	6.7
31 HINGGA 35 TAHUN	8	26.7
36 HINGGA 40 TAHUN	9	30.0
LEBIH 40 TAHUN	10	33.3
JUMLAH	30	100.00

Manakala Jadual 3 adalah latar belakang responden mengikut tahap pendidikan. Dapatan menunjukkan tahap pendidikan responden paling tinggi adalah peringkat sarjana, manakala tahap pendidikan yang paling rendah adalah Diploma. Tahap pendidikan responden paling ramai adalah ijazah sarjana muda iaitu 90.0% manakala jumlah terendah adalah tahap pendidikan Ijazah Sarjana mencatat 3.3%.

Jadual 3: Latar belakang guru mengikut tahap pendidikan

PENDIDIKAN	KEKERAPAN	PERATUS
DIPLOMA	2	6.7
IJAZAH SARJANA MUDA	27	90.0
IJAZAH SARJANA	1	3.3
JUMLAH	30	100

Jadual 4 memaparkan latar belakang guru dalam kajian ini mengikut pengalaman mengajar. Dapatan mendapati tempoh mengajar paling sedikit dalam kalangan guru adalah 16 hingga 25 tahun 10.0%, manakala tempoh pengalaman 6 hingga 15 tahun mencatat jumlah paling ramai 73.3%.

Jadual 4: Latar belakang guru mengikut pengalaman mengajar

PENGALAMAN MENGAJAR	KEKERAPAN	PERATUS
BAWAH 5 TAHUN	5	16.7
6 HINGGA 15 TAHUN	22	73.3
16 HINGGA 25 TAHUN	3	10.0
JUMLAH	30	100.00

Jadual 5 merujuk kepada analisis tahap prasarana fizikal surau sekolah. Min keseluruhan bagi konstruk tahap prasarana surau sekolah dengan nilai purata min adalah tinggi sebanyak = 4.09 dan nilai sisihan piawai adalah=0.47. Akan tetapi nilai min paling rendah bagi tahap prasarana fizikal adalah pada item kelima (BF5) “Pendingin hawa yang berfungsi” (=3.43, sp= 1.45). Manakala nilai min yang tertinggi ialah pada item pertama (BF1) “Ruang untuk menunaikan solat yang selesa” (=4.47, sp = 0.50). Dapatan ini berbeza dengan kajian Bani Hidayat (2014) yang menyatakan nilai keseluruhan min berada pada tahap sederhana tinggi iaitu purata (min=3.67, sp=0.582)

Ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam menyediakan prasarana surau ke arah yang lebih sempurna di sekolah untuk kemudahan warga sekolah. Kelengkapan kemudahan prasarana telah diberi tumpuan oleh pihak sekolah dalam menyediakan infrastruktur yang sesuai.

Jadual 5: Tahap prasarana fizikal surau sekolah

ITEM	PERNYATAAN	MIN	SP	INTERPRETASI
BF1.	Ruang untuk menunaikan solat yang selesa	4.47	.50	Sangat tinggi
BF2.	Tempat mengambil wuduk yang mencukupi	4.17	.53	Tinggi
BF3.	Tempat mengambil wuduk yang bersih	4.33	.54	Sangat tinggi
BF4.	Paip air yang berfungsi dengan baik	4.20	.71	Tinggi
BF5.	Pendingin hawa yang berfungsi	3.43	1.45	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan tahap prasarana dari aspek ergonomik di surau sekolah hasil dari kajian rintis dari 30 orang guru pendidikan Islam di sekolah rendah Daerah Petaling utama, Selangor. Min keseluruhan bagi konstruk tahap prasarana ergonomik pula adalah tingi dengan nilai purata min keseluruhan sebanyak =4.01 dan sisihan piawai =0.49. Nilai min tertinggi bagi ialah pada item 1 “tempat wuduk yang selesa” (min= 4.30, sisihan piawai =0.59) manakala nilai min terendah ialah pada item 3 “Ruang membaca yang selesa” (min=4.07, sisihan piawai =0.52).

Dapatan ini menunjukkan bahawa surau sekolah telah dilengkapi dengan prasarana yang mengambil kira keselesaan penggunaan oleh warga sekolah. Keadaan tempat wuduk yang lebih luas dan cukup untuk kegunaan murid serta warga sekolah. Begitu juga dengan peralatan elektrik seperti lampu dan kipas yang terdapat di dalam surau dapat memberi keselesaan bagi pengguna semasa berada di surau sekolah.

Jadual 6: Tahap prasarana ergonomik surau sekolah

ITEM	PERNYATAAN	MIN	SP	INTERPETASI
BE1	Tempat wuduk yang selesa	4.30	.59	Sangat Tinggi
BE2	Ruang solat yang lapang	4.23	.62	Sangat Tinggi
BE3	Ruang membaca yang selesa	4.07	.52	Tinggi
BE4	Lampu yang berfungsi	4.30	.59	Sangat Tinggi
BE5	Cahaya lampu yang terang	4.23	.62	Sangat Tinggi

Jadual 7 merujuk kepada analisis tahap penggunaan dalam Pdpc pendidikan Islam. Nilai min keseluruhan bagi konstruk tahap penggunaan surau dalam pembelajaran dan pemudah caraan (pdpc) adalah tinggi dengan nilai purata min keseluruhan sebanyak 3.41 dan nilai sisihan piawai adalah=0.97. Akan tetapi nilai min paling rendah bagi tahap penggunaan adalah pada item kedua “*bidang hadis*” (=2.87). Ini menunjukkan guru pendidikan Islam kurang menggunakan surau apabila mereka mengajar bidang hadis. Bagi sekolah rendah, bidang hadis hanya terdapat dalam kurikulum pendidikan Islam tahun 3 sahaja.

Oleh itu sebilangan guru pendidikan Islam mengambil pendekatan mengadakan sesi Pdpc bagi bidang hadis hanya di dalam kelas. Manakala bagi bidang yang lain seperti Tilawah al Quran menunjukkan nilai min tang tinggi iaitu =4.00 begitu juga bidang sirah dan ibadah dengan jumlah min yang tinggi =3.93 dan =3.60. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan dalam bidang yang memerlukan praktikal seperti solat dan bacaan al Quran adalah tinggi. Oleh itu surau sekolah digunakan oleh guru di dalam pembelajaran dan pemudah caraan bagi membolehkan murid menguasai bacaan al Quran dan solat dengan baik.

Jadual 7: Tahap penggunaan dalam pembelajaran dan pemudah caraan pendidikan Islam

ITEM	PERNYATAAN:	MIN	SP	INTERPRETASI
CPP1	Tilawah al-Quran	4.00	.94	Tinggi
CPP2	Hadis	2.87	1.27	Sederhana
CPP3	Aqidah	3.07	1.25	Sederhana
CPP4	Ibadah	3.60	1.27	Tinggi
CPP5	Sirah	3.93	1.28	Tinggi

Jadual 8 merujuk kepada analisis tahap penggunaan dalam ibadah di surau sekolah. Nilai min keseluruhan bagi konstruk tahap penggunaan surau dalam ibadah adalah tinggi dengan nilai purata min keseluruhan sebanyak 3.68 dan nilai sisihan piawai adalah=0.7. Nilai min yang sangat tinggi adalah dalam item ke lima “membaca al-Quran “dengan nilai min =4.27, sp = 0.78. Akan tetapi nilai min paling rendah bagi tahap penggunaan adalah pada item keenam “*beribadah di dalamnya*” (=3.23). Ini menunjukkan guru pendidikan Islam menggunakan surau untuk melakukan ibadah dalam bacaan al Quran pada kebanyakan waktu mereka. Manakala aktiviti beriktikaf di dalam surau hanya berada pada tahap tinggi.

Dapatan kajian rintis ini juga memperlihatkan bahawa aktiviti solat fardu zuhur berada pada tahap tinggi dengan nilai min =3.83, sp = 1.11 begitu juga aktiviti solat asar, solat berjemaah dan solat duha berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa penggunaan dalam aspek ibadah masih lagi menjadi keutamaan warga sekolah.

Jadual 8: Tahap penggunaan Ibadah

ITEM	PERNYATAAN	MIN	SP	INTERPRETASI
CIB1	Mendirikan solat fardu zuhur	3.83	1.11	Tinggi
CIB2	Mendirikan solat fardu asar	3.57	1.37	Tinggi

CIB3	Menunaikan solat secara berjemaah	3.77	1.00	Tinggi
CIB4	Menunaikan solat duha	3.70	1.08	Tinggi
CIB5	Membaca al-Quran	4.27	.78	Sangat Tinggi
CIB6	Beri'tikaf di dalamnya.	3.23	.971	Sederhana

8. Rumusan

Kesimpulannya, dapatan kajian rintis ini menunjukkan bahawa tahap prasarana surau sekolah dari segi fizikal dan ergonomik berada pada tahap tinggi. Kesedaran dalam kalangan pentadbir sekolah dapat di lihat dalam menyediakan kemudahan yang selesa di surau sekolah. Peningkatan prasarana di surau sekolah kini bertambah baik jika dibandingkan dengan hasil kajian (Jasmi Amin, 2011), mendapati kualiti prasarana P&P di surau-sarau Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Melaka berada pada aras min 3.72 serta sisihan piawai 0.46. Ini menunjukkan bahawa kualiti prasarana P&P yang disediakan di surau-sarau sekolah berkenaan berada pada tahap sederhana tinggi.

Begitu juga dapatan kajian(Bani Hidayat Mohd Shafie, 2014) menunjukkan bahawa aspek fizikal surau sekolah dalam kalangan responden murid dan guru pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa persepsi murid dan guru yang setara tentang aspek fizikal di surau sekolah. Dilihat daripada skor min apabila skor yang tertinggi didapati bahawa murid dan guru menyatakan bahawa surau sekolah mempunyai lampu di dalam surau sekolah yang mencukupi iaitu pada min= 4.27. Manakala skor min terendah pula adalah pada terdapat pendingin hawa di dalam surau sekolah iaitu pada min=2.28.

Manakala dapatan tahap penggunaan surau sekolah dari aspek ibadah dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berada pada tahap tinggi iaitu mencapai skor min keseluruhan =3.68 dengan sisihan piawai =0.7. Dapatan ini telah menunjukkan peningkatan penggunaan dalam kalangan guru berbanding penggunaan dalam kalangan murid mengikut kajian Jasmi Amin (2011). Tahap penggunaan dalam kalangan murid berada pada tahap sederhana rendah iaitu hanya mencapai skor min=2.30 dengan sisihan piawai=0.65. Taburan analisis individu yang diperolehi juga menunjukkan bahawa jumlah pelajar yang kerap menggunakan surau sekolah untuk beribadah adalah rendah iaitu hanya 53 orang sahaja (13.2%) berbanding 347 orang (Jasmi Amin, 2011)

9. Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al Thaqafah*, 2(2), 53–63. <https://doi.org/10.7187/GJAT232012.02.02>
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam. (1989). *Surat pekeliling ikhtisas*.
- Bani Hidayat Mohd Shafie. (2014). *Fungsi Surau Sekolah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bani Hidayat Mohd Shafie Norhayati Fatmi, Talib, N. H. F., Awang, M. H., Zakaria, H. B., & Ab. Halim Tamuri. (2010). *Fungsi surau sekolah sebagai penjana kegiatan dakwah dan kerohanian di sekolah-sekolah*

- menengah. International Conference on Da'wah and Islamic Management (IC-DAIM2010), (June). <https://doi.org/10.13140/RG.2.1.2525.4568>
- Ghazali Darusalam, S. H. (2018). Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan (Edisi Kedu). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jasmi Amin. (2011). Penggunaan Surau dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Negeri Melaka. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Ab. Halim Tamuri. (2012). Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Skudai: universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). (BS) 8591/jld XIV (14) 22 Januari 1998.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Laporan Ringkasan PPPM.
- Mohd Shafie, B. H., & Nor Hayati, F. T. (2016). Persepsi Guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Technical and Social Science Journal*, 1(December).
- Mokhtar, R. A. M., & Che Zarrina Sa'ari. (2015). Peranan Institusi Masjid di Sipitang dalam Memurnikan Adat Tradisi Masyarakat Kedayan. *Sains Humanika*, 1, 67–74.
- Nor Hayati Fatmi Talib, & Bani Hidayat Mohd Shafie. (2015). Persepsi pelajar terhadap fungsi surau sekolah di sekolah menengah kebangsaan, (JUNE 2012).
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawir Ismail, & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 155-172, 155–172.